

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Laman Web : <http://www.lpp.gov.my>

No.20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR

E-mail : info@lpp.gov.my

ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Email Bahagian : lpphq_penyeliaan@lpp.gov.my

TEL : 03 - 2610 9600 FAX : 03 - 2697 0872 BAHAGIAN PENYELIAAN TEL : 03-2610 9600 FAX : 03-2697 0872

Ruj. Tuan : LPP(B) 5/6 Jld 6 (10)
Ruj. Kami : 24 Januari 2014
Tarikh :

ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 1 TAHUN 2014

MENGEMASKINI DAFTAR KEAHLIAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) bagi tujuan mengambil tindakan mengemaskini daftar ahli individu (rujukan buku rekod ahli atau rekod ahli berkomputer atau kedua-duanya sekali).

2. LATAR BELAKANG

Hasil semakan yang dibuat ke atas daftar ahli di peringkat unit ahli didapati wujudnya:-

Ahli yang memiliki saham kurang dari RM10.00 tetapi masih dianggap sebagai ahli dan dividen masih diakaunkan oleh PPK.

(merujuk kepada Perkara 17 (ix) dan Perkara 22(i) (b) Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan)

3. PUNCA KUASA

3.1 Peraturan 85, Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983

"Pendaftar boleh, jika difikirkannya perlu mengeluarkan arahan-arahan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan ini".

3.2 Perkara 17 (ix), Perlembagaan Pertubuhan Peladang

Sesuatu ahli adalah terhenti keahliannya kerana:-

17 (ix) Tidak mempunyai saham yang cukup mengikut perkara 22 Perlembagaan ini.

4. PEMAKAIAN


4.1 Semua PPK dikehendaki menerima pakai Arahan Pendaftar ini.

4.2 PPK dikehendaki mengemaskini Daftar Keahlian sebelum 31 Disember 2014.

4.3 PPK hendaklah sentiasa mengemaskini Daftar Keahlian dari semasa ke semasa.

5. TARIKH KUATKUASA

Arahan Pendaftar ini berkuatkuasa mulai **24 Januari Tahun Dua Ribu Empat Belas.**


(TUAN HAJI MOHD SALIM BIN TAHA)
Pendaftar
Pertubuhan Peladang

**PANDUAN MENGEMASKINI DAFTAR KEAHLIAN
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN**

1. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Di bawah ini dicatatkan bahan rujukan undang-undang bagi menjalankan pengemaskinian daftar keahlian di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)

- a) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983
- b) Perlembagaan PPK

2. KESAN KEPADA AHLI YANG MEMILIKI SAHAM KURANG DARI RM10.00

2.1 Sekiranya ahli memiliki saham kurang dari RM10.00 maka, ahli tersebut tidak boleh menjalankan hak-haknya atau memperolehi apa-apa kepentingan dalam PPK sepertimana yang diperuntukan di dalam:-

2.1.1 Perkara 13

Ahli-Ahli tidak boleh menjalankan hak-haknya sehingga mereka telah membayar bayaran masuk dan harga saham seperti ditetapkan Perkara 22 (i) Perlembagaan Pertubuhan ini atau memperolehi apa-apa kepentingan di dalam Pertubuhan ini sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan atau Perlembagaan Pertubuhan ini

2.1.2 Perkara 14(i)

(i) Tertakluk kepada Perkara 14(ii) Perlembagaan ini, sesuatu ahli hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan hak-hak yang berikut:-

- (a) Memilih wakil-wakil;
 - (b) Dipilih sebagai wakil atau memegang sebarang jawatan dalam Pertubuhan ini;
 - (c) Menyuarakan pendapatnya atau mengundi di dalam Mesyuarat Agung;
 - (d) Memperolehi segala kepentingan Pertubuhan ini sebagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan-peraturan atau Perlembagaan ini.
- (ii) Sebarang ahli yang berkeelayakan mengikut Perkara 10(i) (d) Perlembagaan ini tidak berkuasa dan tidak berhak dipilih sebagai seorang Ahli Jemaah Pengarah.

2.1.3 Perkara 17(ix)

Sesuai ahli adalah terhenti keahliannya kerana:-

17 (ix) Tidak mempunyai saham yang cukup mengikut perkara 22 Perlembagaan ini.

2.1.4 Perkara 22(i)(b)(c)

Tiap-tiap ahli hendaklah memiliki saham-saham seperti berikut:-

(b) *Ahli-Ahli perseorangan hendaklah mengambil tidak kurang dari 10 saham, iaitu RM10.00*

(c) *Tiap-tiap ahli boleh menambah saham-sahamnya dari masa ke semasa*

3. PROSES KERJA

3.1 Proses kerja mengemaskini Daftar Keahlian bagi ahli yang dapat dikesan tetapi memiliki saham kurang dari RM10.00 adalah seperti berikut:-

- (a) PPK menyediakan senarai ahli terkini bagi setiap unit ahli yang memiliki saham kurang dari RM10.00 (**Lampiran A**).
- (b) Mengadakan perbincangan di dalam Mesyuarat AJP (diminitkan) bagi mendapatkan mandat, peruntukan kewangan dan pembentangan jadual pelaksanaan bagi kerja mengemaskini keahlian unit (kos perjalanan, belanja mesyuarat unit dan imbuhan kesempurnaan kerja Ketua Unit). Menggunakan Kumpulan Wang Pemajuan.
- (c) Mengadakan Mesyuarat Ketua-Ketua Unit bagi membincangkan proses kerja mengemaskinikan daftar keahlian dan melengkapkan rekod data minimum ahli-ahli di unit (nama ahli, nombor kad pengenalan, nombor ahli, alamat terkini, penama, jumlah saham terkini individu, nombor telefon yang boleh dihubungi).
- (d) Mengeuarkan surat pemakluman kepada ahli tentang jumlah saham yang dimiliki dan kesan sekiranya saham tersebut tidak ditambah kepada nilai minimum (**Lampiran B**).

3.2 Sekiranya ahli ingkar/ gagal mengemukakan maklumbalas di para 3.1 (d), Jemaah Pengarah mempunyai kuasa untuk meluluskan pemberhentian dan pemecatan ahli tersebut mengikut Perkara 51(i) Perlembagaan PPK.

3.3 Mengikut Perkara 17(ix) Perlembagaan PPK, juga memperuntukkan, sesuatu ahli adalah terhenti keahliannya kerana tidak mempunyai saham yang cukup mengikut Perkara 22 Perlembagaan ini.

4. BORANG-BORANG

Borang-Borang dan Surat-Surat yang digunakan adalah seperti berikut:

- a) Lampiran A - Borang Senarai Ahli untuk Semakan Status Ahli yang memiliki saham kurang dari RM10.00;
- b) Lampiran B - Borang Penambahan Saham.

5. PENUTUP

Dengan ini semua PPK diminta melaksanakan program pengemaskinian rekod ahli serta mengambil tindakan mengikut prosedur yang ditetapkan dalam panduan ini *sebelum 31 Disember 2014*.

Lampiran B

Rujukan :
Tarikh :

Kepada Ahli
No. Ahli
Alamat

Tuan/ Puan,

PENAMBAHAN SAHAM

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. - Pemilikan saham tuan/puan pada adalah seperti berikut:-

Jumlah Saham :
Nilai Saham :

3. Berdasarkan Perkara 22(b) Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), setiap ahli perseorangan hendaklah mengambil tidak kurang dari 10 saham, iaitu berharga RM10.00.

4. Merujuk kepada Perkara 13 Perlembagaan PPK serta Peraturan 26(2)(c) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983, ahli tidak boleh menjalankan hak-haknya serta memperoleh apa-apa kepentingan di dalam PPK sekiranya gagal memiliki saham minimum seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 3 di atas.

5. Sehubungan dengan itu, tuan/puan adalah diminta untuk menambah saham tuan/puan selewat-lewatnya pada 2014. Sekiranya tuan/puan gagal/ingkar untuk menambah saham tersebut, PPK mempunyai kuasa untuk menamatkan keahlian tuan/puan berdasarkan Perkara 17 (ix) Perlembagaan PPK.

Sekian, terima kasih.

()
Pengerusi Jemaah Pengarah
Pertubuhan Peladang Kawasan.....